

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH STAF (PERSIST) FKE, UTeM 2007**

**TEMPAT:**  
**KEM LAMBAIAN DANAU  
JASIN, MELAKA**

**TARIKH :**  
**15 DISEMBER 2007**

UCAPAN PERASMIAN YBHG DATUK PROF. Ir.  
ISMAIL BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM BAGI  
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMBANGUNAN  
SAHSIAH STAF (PERSIST) FAKULTI  
KEJURUTERAAN ELEKTRIK, UTeM 2007 PADA 15  
DISEMBER 2007, JAM 8.00 MALAM BERTEMPAT DI  
KEM LAMBAIAN DANAU, JASIN, MELAKA.

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

YANG BERUSAHA

SAUDARA / I PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA

DATUK PROFESOR DR ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN  
ANTARABANGSA)

YANG BERBAHAGIA

DATUK PROFESOR MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN  
INOVASI)

YANG BERBAHAGIA

PROF. Ir. DR. ZAINAL ARIPIN BIN ZAKARIAH

PEMANGKU DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN  
ELEKTRIK

YANG BERUSAHA

EN. MASLAN BIN ZAINON

PENYELARAS 'PROGRAM PERSIST, FKE UTeM\_2007'

BARISAN FASILITATOR, SEMUA AHLI JAWATANKUASA 'PROGRAM PERSIST', FKE UTeM\_2007', PARA PESERTA YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN KEIZINAN-NYA JUA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERTHIMPUN DI 'PROGRAM PERSIST, FKE UTeM 2007'. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PROGRAM INI PERTAMA KALI DIADAKAN DI KALANGAN STAF FKE WALAUPUN PROGRAM YANG SAMA TELAH DIADAKAN DI KALANGAN PELAJAR FKE SEJAK TAHUN 2003. MATLAMAT UTAMA PROGRAM INI IALAH UNTUK MENINGKATKAN SAHSIAH DIRI SUPAYA KITA MENJADI STAF YANG LEBIH BERKUALITI. UNTUK ITU KITA PERLU MENGAMBIL PELUANG INI MEMPERBAIKI DIRI SUPAYA MENJADI STAF YANG LEBIH CEMERLANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PADA MASA INI JUMLAH STAF UNIVERSITI ADALAH SEBANYAK 1,176 ORANG IAITU TERDIRI DARIPADA 561 STAF AKADEMIK, 612 STAF BUKAN AKADEMIK DAN 3 STAF PENGURUSAN TERTINGGI. JUMLAH STAF FKE SAHAJA IALAH SERAMAI 110 IAITU TERDIRI DARIPADA 87 STAF AKADEMIK DAN 23 STAF BUKAN AKADEMIK. SUDAH TENTU KITA MEMPUNYAI PELBAGAI RAGAM STAF YANG PERLU DITANGANI OLEH PENTADBIRAN UNIVERSITI.

STAF ADALAH MODAL INSAN YANG AKAN MEMBANGUNKAN ORGANISASI, ATAU DALAM KONTEKS KITA INI IALAH UTeM. MENYEDARI KEPENTINGAN INI UNIVERSITI TELAH MENGATURKAN PROGRAM PEMBANGUNAN STAF YANG TIDAK SAHAJA TERHAD KEPADA PENINGKATAN ILMU BAGI TUJUAN PENGAJARAN



DAN PEMBELAJARAN TETAPI JUGA YANG MELIBATKAN PENEKANAN DALAM ASPEK PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI.

KEBANYAKAN LATIHAN-LATIHAN INI ADALAH DIKENDALIKAN OLEH UNIT PEMBANGUNAN LATIHAN (HRD), PEJABAT PENDAFTAR TETAPI PROGRAM INI AMAT ISTIMEWA KERANA IA TELAH DIGERAKKAN SENDIRI OLEH STAF FKE BAGI MENCAPAI MATLAMAT YANG DIINGINI. OLEH SEBAB ITULAH PROGRAM INI MELIBATKAN STAF AKADEMIK DAN STAF BUKAN AKADEMIK SEBAGAI PESERTA, DAN SUDAH TENTUNYA ANDA SENDIRI TELAH MENGENALI ANTARA SATU SAMA YANG LAIN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ISU YANG SELALU WUJUD DAN DIBANGKITKAN DALAM SESEBUAH ORGANISASI IALAH

PERHUBUNGAN ANTARA STAF. IA AKAN MELIBATKAN BANYAK PERKARA ANTARANYA IALAH KOMUNIKASI, KERJASAMA, TOLERANSI, SIKAP DAN SEBAGAINYA. OLEH ITU ADALAH AMAT PENTING HUBUNGAN SESAMA RAKAN SEKERJA INI DIPERKUKUHKAN BAGI MEMUDAHKAN UNIVERSITI MENCAPAI VISINYA MELALUI SIKAP KERJASAMA YANG DAPAT DIBENTUK DALAM AKTIVITI SEBEGINI.

IMEJ UNIVERSITI BUKAN SAHAJA DILIHAT SEMATA-MATA TERHADAP KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM BIDANG AKADEMIK, TETAPI JUGA KUALITI INDIVIDU YANG BERADA DI UNIVERSITI TERMASUK SIKAP DAN KEPERIBADIAN KITA. KITA PERLU MENUNJUKKAN CONTOH DAN TAULADAN YANG BAIK KEPADA PELAJAR DAN MASYARAKAT SEKITAR SAMA ADA DI UNIVERSITI ATAU DI MANA-MANA JUA SUPAYA IA MENJADI *ROLE MODEL* KEPADA MEREKA, INI TERMASUKLAH DALAM SOAL DISIPLIN DAN DAYA KEPIMPINAN.

SETIAP STAF PERLU SENTIASA MENJAGA SAHSIAH DIRI DEMI MENJAGA MARUAH UNIVERSITI DAN JANGAN SEKALI-KALI MELAKUKAN PERKARA YANG BOLEH MEROSAKKAN NAMA BAIK UNIVERSITI SEPERTI TERLIBAT DALAM PERGADUHAN, SALING MENJATUHKAN DAN SEBAGAINYA.

APABILA SESEORANG ATAU SEKUMPULAN DARIPADA KITA MELAKUKAN PERKARA YANG BURUK BEGINI MAKA IA TIDAK SAHAJA MENCEMARAKAN NAMA MEREKA TETAPI JUGA SELURUH UNIVERSITI. KATA PEPATAH MELAYU 'NILA SETITIK BOLEH MEROSAKKAN SUSU SEBELANGA'. SAYA AMAT BERHARAP KITA MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA PERKARA INI DAN MENJAGA SIKAP SEBAIK MUNGKIN.

DENGAN TEMA PROGRAM YANG DILAKSANAKAN PADA PROGRAM INI IAITU 'MEMBINA PERIBADI UNGGUL' INSYAALLAH OBJEKTIF UNIVERSITI

UNTUK MELAHIRKAN STAF YANG BERKOMPETENSI TINGGI DENGAN KEPERIBADIAN YANG UNGGUL AKAN TERCAPAI.

AKHIR KATA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MENYERTAI PROGRAM, DAN SAYA MENDOAKAN AGAR 'PROGRAM PERSIST, FKE UTeM\_2007' DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA. INSYAALLAH.

DENGAN INI, SAYA DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM MERASMIKAN 'PROGRAM PERSIST, FKE UTeM\_2007'.

SEKIAN, TERIMA KASIH. ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.